

# **KONSEP *ORIENTAL ENLIGHTENMENT* (V.I BRAGINSKY) DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMODENAN SASTERA**

Norazimah Hj Zakaria

## **Pendahuluan**

Pendefinisian konsep *Oriental Enlightenment* secara literalnya membawa maksud “Pencerahan Timur” yang merangkumi satu situasi apabila barat menganggap diri mereka sebagai *supreme* dan mampu pula men-tamadunkan bangsa-bangsa di timur. Walaupun begitu, agak malang suasana di timur pada waktu itu kerana masyarakat Melayu telah mula menerima agenda dan merelakan diri mereka diresapi propaganda kaum kulit putih ini. Pada satu tahap, bangsa timur beranggapan mereka hanya akan maju jika mentauladani ilmu dan pemikiran barat. Secara dasarnya, *Oriental Enlightenment* diungkapkan sebagai:

*“the period of “Oriental Enlightenment” so to speak, when the desire to achieve an equal status with the west led to active assimilation of new ideas and ways”*

(Braginsky, 1996)

Secara umum, modernisme ialah suatu zaman kemunculan ilmu-ilmu baru daripada barat yang merevolusikan seluruh sistem sosiobudaya. Era tersebut bermula pada abad ke-19 sehinggalah pada pertengahan abad ke-20 (1960-an). Zaman modernisme telah mewujudkan beberapa terminologi penting berkaitan dengannya seperti sekularisme, rasionalisme, dan positivisme. Dalam bidang kesusasteraan pula, muncul realisme, naturalisme, humanisme, dan sebagainya. Semua konsep tersebut melihat bahawa sesuatu fenomena adalah bersifat benar dan empirikal. Dalam hal ini, modernisme menafikan kedudukan karya-karya klasik atau tradisional dan semua ini dianggap kolot kerana banyak membawa konsep yang bertentangan dengan falsafah modernisme.

Bangsa Melayu sebelum kedatangan penjajahan barat merupakan satu bangsa yang patuh kepada konvensi masyarakat yang dipersetujui bersama. Segala gerak laku seseorang individu mestilah merujuk kepada konvensi yang telah ditetapkan bersama. Namun, segala konvensi ini telah dirobohkan apabila masuknya penjajahan barat. Kemasukan penjajahan barat dengan sendirinya telah memunculkan fenomena *Oriental Enlightenment* atau "Pencerahan Timur". Fenomena *Oriental Enlightenment* adalah ditandai dengan satu zaman yang membawa kepada rombakan rentetan sejarah peradaban dan tradisi orang timur pada kurun ke-19 dan 20.

Sehubungan ini, konvensi budaya tradisional orang Melayu telah dipecah-belahkan oleh segolongan bangsa Melayu yang telah diasimilasikan dengan budaya Barat yang dibawa oleh orientalis yang datang bersama-sama dengan imperialisme dan kolonialisme barat ke dunia Melayu (Noriah Taslim, 1993:1). Kurun ke-19, memperlihatkan zaman yang malap di dalam masyarakat Melayu akibat pencerobohan kuasa-kuasa luar yang telah mewujudkan fragmentasi wilayah (pemecahan wilayah). Kuasa luar yang berani mencerooboh bahasa dan budaya orang Melayu ialah kuasa Inggeris yang sekaligus telah melenturkan budaya dan bahasa orang Melayu untuk menerima budaya Eropah. Berlandaskan konsep *White Man's Burden*, imperialisme barat cuba mencorakkan bangsa Melayu dengan acuan mereka sendiri kerana pada tanggapan mereka bangsa Melayu dan bangsa-bangsa lain yang dijajah tidak bertamadun.

Oleh itu perkara ini telah menyebabkan mereka terpaksa memikul tanggungjawab untuk mendidik, memimpin, dan mentamadunkan manusia global, termasuklah bangsa Melayu. Hal ini jelas terbukti apabila Winstedt menyatakan bahawa pendidikan harus diberikan kepada orang-orang Melayu, selaras dengan peranannya untuk mengajar orang yang rendah tamadunya. Kolonialisme inilah yang akhirnya membenarkan barat mendominasi dan menstruktur semula pemikiran orang-orang atau masyarakat timur melalui wacana mereka yang bersifat *hegemonic* betapa kuasa menentukan segala-galanya (Noriah Taslim, 1998: 80).

Secara jelas, hal ini telah memberi satu kesan pemodenan yang sering dikaitkan dengan gejala pembaratan dan telah dijelaskan dengan baik oleh Edward Said sebagai gejala *Orientalisme*, iaitu:

*Orientalism is a style of thought based upon an ontological and epistemological distinction made between "the Orient" and (most of the time) "the Occident".*

(Edward Said, 1979:2)

Dengan merujuk kepada kata-kata Edward Said ini, ternyata kata-kata ini amat tajam dan prejudis terhadap bangsa di timur. Edward Said (1979) telah mengemukakan satu petanda awal akan niat sebenar barat ataupun kolonialis ini. Penjajah barat akan membezakan bangsa di timur dengan bangsa di barat atas dasar utamanya, iaitu "bangsa" dan "ilmu pendidikan". Untaian kata-kata seperti inilah yang nantinya akan mempengaruhi bangsa di timur dan menjadi harapan mereka untuk "dicerahkan" oleh barat ini.

Gejala *Orientalisme* berkait rapat dengan kecenderungan barat untuk mendominasi dan menstruktur semula pemikiran orang-orang yang dijajah melalui wacana penulisan dan sebagainya. Proses ini dinamakan sebagai proses hegemoni. Proses hegemoni mental dan budaya telah menyebabkan masyarakat Melayu masih mengagungkan cara dan pemikiran barat serta membenarkan kuasa kolonial memanipulasi secara psikologi sehingga pandangan masyarakat Melayu yang bersifat tradisional berpindah ke pandangan yang kebaratan. Kekentalan hegemoni mental yang ditanam dengan kukuhnya oleh kolonialisme barat telah menyebabkan pemikiran orang timur distruktur untuk menerima

dan mengangkat peradaban barat sebagai peradaban yang terunggul. Braginsky (1996:5) menyebut:

*“The period of Oriental Enlightenment so to speak, when the desire to achieve an equal status with the west led to active assimilation of new ideas and ways, really progressive or seemingly so, was followed by a reappraisal of values”.*

Maka, wacana *hegemonic* ini telah memonopoli pemikiran orang timur yang menyebabkan bangsa Melayu terperangkap dalam satu pemikiran, iaitu mereka menganggap hasil kesusasteraan Melayu adalah bersifat daif dan kecil, khususnya karya tradisi nenek moyang yang diwarisi secara turun-temurun. Malah mereka juga berasa malu mengakui teks Melayu yang dicipta oleh bangsa mereka. Pada saat ini, masyarakat Melayu mula ghairah untuk memiliki budaya bangsa yang menjajah, yang dirasakan lebih baik daripada budaya mereka sendiri. Di samping itu, mereka turut mengambil kesempatan untuk mengkritik setiap warisan budaya mereka.

Pengaruh kuat hegemoni mental terhadap timur, khasnya bangsa Melayu telah berjaya merobohkan tanggapan feudalisme, iaitu istana sebagai pusat keintelektualan. Perobohan ini dinamakan sebagai defeudalisasi atau normalisasi; pengarang tidak lagi dinaungi oleh sesuatu kuasa yang mungkin menimbulkan keterbatasan dari segi keaslian idea seperti yang berlaku pada zaman feudal. Pemodenan telah membawa perubahan baru dengan meletakkan keistimewaan kepada pengarang sebagai seorang individu yang boleh mengungkapkan idea tentang diri dan segala yang dilihatnya tanpa merujuk atau meminta kebenaran dari sebarang kuasa terlebih dahulu.

Jika dahulu, kepengarangan dibayangi dengan tokoh tambah dan pengurangan isi ke atas sesebuah karya hingga ciri keaslian hilang, tetapi kini tidak lagi. Defeudalisasi telah memunculkan bibit kepengarangan yang baru yang boleh disaksikan daripada karya autobiografi seperti *Hikayat Abdullah* karya Abdullah Munsyi, autobiografi fiksiyen, seperti *Hikayat Syamsul Anuar* karya Raja Aisyah Sulaiman dan lain-lain. Karya-karya ini berisikan pengekspresian diri dan reaksi pengarang selain

daripada fakta bahawa pengarang sendiri mengakui telah mengarang karya-karya tersebut berbanding pada masa silam dan menganggap karya adalah hak bersama (Ding Choo Ming, 1996:28).

Kedatangan orientalis ekoran imperialisme barat telah membawa bersama kebijaksanaan dan ketinggian tamadun mereka untuk menjajah budaya dan mental orang-orang Timur. Orientalis telah memperkenalkan sistem pendidikan sekular yang akhirnya melahirkan generasi elit Melayu yang bersifat keinggerisan. Golongan ini lebih dikenali dengan nama *Anglophile*. *Anglophile* adalah gelaran yang diberikan kepada masyarakat Melayu yang cintakan budaya *western* atau kebaratan. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

*“...it appeared wiser to preserve English education as the privilege of noble and well-born children. They could later be engaged in the administration of their own. States in association with the British, and imbued with the Light of Western Civilization they would inevitably elicit the respect of the common people”.*

(Maier H.M.J., 1998:109)

Akhirnya, generasi yang bersifat keinggerisan ini telah menolak khazanah warisan silam yang dahulunya dianggap bernilai. Hasilnya, tradisi dan budaya yang dahulunya dianggap penuh berwibawa telah dirombak oleh generasi tersebut. Kenyataan ini diperjelaskan oleh Braginsky (1996:5) sebagai:

*“Intellectuals in the oriental countries began to realize that contacts with Europe provoking a rapid disintegration of the traditional forms of culture far from always offer anything of equal value instead. This led many of them, including poet, writers and, philosophers who had as a rule been educated in the West and who had usually lost their traditional roots to cast a new glance on their cultures whose traditional nature they had rejected in various degrees”.*

Dalam hal ini, mereka juga telah berani mengkritik sastra sendiri yang selama ini melatari budaya dan bangsa Melayu. Kepengarangan zaman ini sungguh jauh berbeza dengan zaman sebelum kedatangan barat yang mana kritikan terhadap sastra sendiri tidak pernah dilakukan, atau sebaliknya jika dilakukan ia lebih tersorok.

Seperti yang kita tahu, zaman Abdullah Munsyi dijadikan sempadan kepada zaman peralihan antara zaman kesusasteraan Melayu tradisional dengan zaman kesusasteraan Melayu moden. Abdullah Munsyi dikatakan pengarang Melayu pertama yang meninggalkan tradisi lama, iaitu hikayat, dongeng, tahyul, yang ghaib dan ajaib (Hassan Ahmad, 1976:286). Beliau sama sekali telah mencipta kelainan yang agak drastik daripada sebelumnya. “Estetika persamaan” dalam sastera Melayu sejak zaman-berzaman telah dinyahkan serta diganti baru dengan suatu estetika pertentangan yang mengejutkan (teori Lotman dalam Teeuw, 1992). Impak daripada orientalisme yang egosentrik itu rupa-rupanya telah meresap ke jiwa dan pemikiran Abdullah Munsyi, lalu memunculkannya sebagai *Anglophile*. Secara tepat telah diujarkan oleh Noriah Taslim (1993:8), “Ilmu Barat telah memutarbalikkan tanggapan, pandangan hidup orang Melayu, mengubah orientasi pemikirannya, mengajarnya supaya meragui kewibawaan dan leluhur tradisi yang dikendong berkurun-kurun”. Golongan *Anglophile* ini telah memisahkan diri dari poetika lisan dan tradisi partisipatoris serta penaungan istana yang turun temurun telah berjaya membebaskan diri daripada *skemata*, melihat alam realiti daripada sudut pandangan yang tidak perlu disaring terlebih dahulu.

Menurut Ding Choo Ming (1996:23), bermula dari revolusi industri yang bermula di Eropah, akhirnya telah memulakan satu profesion baru dalam dunia penerbitan dan keserjanaan, iaitu penerbitan, percetakan dan pengkritikan. Tulisan dan percetakan inilah yang telah membebaskan pengarang dari beban hafalan dan tuntutan penciptaan secara serentak. Keadaan ini telah memecahkan budaya lisan dan tradisi partisipatoris yang memisahkan stereotaip hasil lisan kepada budaya tulisan.

Kesan literasi barat dan mekanisme percetakan telah berjaya memindahkan teks lisan kepada tulisan dan manuskrip kepada tiposkrip. Proses ini dilakukan oleh mentor-mentor Inggeris untuk memperbanyakkan bahan bacaan di sekolah-sekolah vernakular. Manakala Ismail Hussein (1974:9) juga pernah menyatakan pendapatnya mengenai fenomena ini, iaitu:

“...my simple dividing line is the printing which had changed completely the role of the Malay Literature and has revolutionized the concept of Malay literature...”

Hal ini dapat memperjelaskan kepada kita bahawa proses *Oriental Enlightenment* telah mempengaruhi tradisi lisan yang terdapat dalam sastra Melayu setelah barat memperkenalkan tulisan dan percetakan bagi memperlihatkan keintelektualan mereka. Seperti yang kita sedia maklum, sebelum pengaruh barat menular ke dalam sastra Melayu tradisional, bentuk sasteranya penuh dengan perulangan cerita-cerita yang sering berkisar pada istana yang penuh dengan pelbagai keindahan serta pendewaan terhadap unsur mitos, legenda, dongeng dan sebagainya sudah tidak mendapat tempat di kalangan pengarang Melayu moden. Karya-karya yang dihasilkan lebih bersifat realistik dan positivisme. Lekangnya ia dari sifat partisipatoris ini bermakna pemikiran pada waktu ini mula memilih untuk bersifat individualisme. Sehubungan itu, tulisan telah ditemui sebagai satu mekanisme yang meneroka tema-tema yang sudah lari dari konvensi tradisional dengan idea yang lebih kontemporari, segar, realistik dan berdiri dengan kualiti mengikut acuan barat. Sebagai contoh dalam mencari identiti sendiri, Abdullah Munsyi begitu berani menggunakan “aku” dalam karyanya. Sifat keakuan itu sendiri telah menunjukkan bahawa Abdullah Munsyi telah terkeluar dari tradisi lisan yang mementingkan hak bersama. Misalnya petikan berikut:

“Kalau pengarang-pengarang sebelumnya menyebut diri sebagai “fakir yang daif”, Abdullah cuma memakai “aku”, kalau karangan lama banyak berpusatkan istana, maka karangan Abdullah sudah terpisah dari istana itu”.

(Hassan Ahmad, 1976:287)

Abdullah turut memasukkan pandangan peribadinya yang kritikal terhadap masyarakat di sekitarnya. Karya-karya beliau yang berbentuk moden ini antaranya ialah *Syair Singapura Terbakar* (1830), *Kisah Pelayaran Abdullah* (1838), *Hikayat Abdullah* (1849), *Dewa-ul-Kulub* (1883) dan *Kisah Pelayaran Abdullah ke Judah*. Lanjutan itu, beliau juga mewujudkan “dialog Timur Barat” sebagai imej bandingan budaya Melayu dengan bangsa asing. Dalam karyanya seperti *Hikayat Abdullah* dan *Hikayat Pelayaran Abdullah*, beliau telah mengkritik orang Melayu dengan keras. Misalnya Abdullah telah menempelak adat “jual anak” dan adat-adat tradisi lain, tetapi pada masa yang sama Abdullah telah memuji-muji Inggeris. Beliau juga semakin berani mengkritik raja Melayu pada masa yang sama;

“Bahawa sesungguhnya adalah pada fikiranku, maka nyatalah kebodohan dan kekurangannya fikiran sultan itu; maka alangkah baik dan besar tolongan Tuan Raffles itu...”

(Siti Aisyah Murad, 1996:18)

Ini sama sekali telah memisahkan dirinya daripada konvensi sastera tradisi yang memelihara patronnya. Pada saat ini Abdullah telah melupakan sama sekali perjanjian dalam kontrak naratif antara pengarang dan pembaca seperti dalam budaya partisipatoris yang terdahulu. Beliau sudah tidak mempedulikan lagi penerimaan pembaca. Abdullah hanya menampakkan individualitinya sahaja pada waktu itu. Kebebasan ekspresi yang dimilikinya itu telah dieksploitasi untuk meluahkan rasa tidak puas hati terhadap raja dan masyarakat di persekitarannya dalam setiap inci “laporannya” ini. Kritikan dan kutukan terhadap bangsa dan raja sendiri itu saling tidak ubah seperti menggema kembali suara kolonialis dan orientalis yang begitu lantang menghina dan mengutuk bangsa Melayu dan timur. Beliau rela membiarkan berlakunya “perselisihan ufuk pemahaman” antara pembaca yang telah sedia ada dan konvensi lama (Noriah Taslim, 1995:186). Tanpa kita sedari, sememangnya sikap dan stail penulisan Abdullah Munsyi ini telah membuka jendela serta mengetuk masuk ke ruang sastera moden.

Malah menurut Noriah Taslim (1995:10), menerusi bentuk tulisan juga, teks yang beku itu membolehkan pembaca menatap, merenung dan membaca berulang kali. Tulisan juga memberi jangka waktu yang panjang untuk penilai menerima, menapis, menerap makna serta mengesan kelemahan dan kekuatan karya yang dibaca. Secara tidak langsung, teks itu akan membuka pemikiran yang amat individualistik untuk memulakan kritikan sastera. Sememangnya, pengarang juga wujud sebagai individu yang mempunyai kewibawaan dan keindividualan. Antaranya, seorang pengarang dengan pengarang yang lain, wujud titik individualisasi yang diekspresikan melalui nilai estetika, kesedaran pengarang individu dan daya cipta yang tersendiri. Secara tidak langsung, tindakan ini menonjolkan unsur keaslian dan memberi imej tersendiri kepada pengarang.

Dalam kurun ke-19, alat percetakan telah diperkenalkan dan telah diperluaskan penggunaannya ke tanah jajahan. Sebelum kemasukan alat



percetakan oleh barat ke Tanah Melayu, tiada istilah hak cipta dan hak milik bagi pengarang Melayu tradisi. Pengenalan kepada teknologi percetakan menandakan satu permulaan pemodenan dengan terhasilnya genre-genre sastera baru dan satu daripadanya adalah novel. Semenjak hak cipta pengarang diperkembangkan, pengarang dianggap penjelmaan peribadi pengarang individu. Manakala dari segi undang-undang pula, sesiapa yang meniru, menceduk dan menyalin karya pengarang lain tanpa persetujuan dianggap sebagai penciplak. Percetakan juga telah melahirkan sejenis penulisan yang menegaskan realiti berdasarkan penyaksian mata, iaitu tradisi kewartawanan dan tradisi inilah yang telah melahirkan catatan-catatan seperti biografi serta novel.

Salah satu genre bentuk baru dikenali sebagai “Naratif Perjalanan”. Pemodenan gaya penulisan ini turut tergambar melalui hasil kreatif Abdullah Munsyi. Untuk tujuan itu, Abdullah telah memanfaatkan penceritaan berdasarkan catatan perjalanannya. Hal seperti ini sama sekali berbeza daripada gaya kreativiti tradisi. Tidak hairanlah beliau seringkali membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan perihal masyarakat Melayu di Pantai Timur sewaktu beliau sampai ke sana. Dalam *Kisah Pelayaran Abdullah*, beliau menceritakan keadaan masyarakat Melayu di Kelantan, Terengganu, dan Pahang yang dikatakan pengotor dan juga pemalas. Pembaca dapat merasakan gambaran suasana itu seakan-akan realistik berdasarkan teknik penceritaan yang moden itu. Beliau tidak lagi hanya bercerita tentang kedaulatan raja-raja dengan segala mitos kesaktian seperti dalam hikayat lama dahulu. Karyanya menjadi *transparent* kepada dunia nyata di luar. Oleh itu, adalah jelas bahawa Abdullah Munsyi telah berjaya membawa gagasan modenisme yang amat menuntut kepada realisme. Kita percaya bahawa pada waktu berkenaan, Abdullah telah memandang dingin kepada mitos Melayu lama yang dikandung sejak zaman-berzaman itu. Beginilah hebatnya kejayaan barat merombak pemikiran Melayu daripada acuan asalnya. Secara pasti, kemunculan genre karya Abdullah itu merupakan perintis sastera moden yang tercerna sewaktu proses “pembaratan timur”.

Kesimpulannya, era *Oriental Enlightenment* ini telah merombak warisan tradisi bangsa Melayu. Kesan kemasukan hegemoni budaya dan mental yang dibawa oleh barat melalui pendidikan sekular dan percetakan semasa zaman kolonialisme telah melahirkan golongan *Anglophile*.

Natijahnya, proses pembaratan ini telah membawa perubahan ketara ke dalam pemikiran masyarakat Melayu. Kesusasteraan Melayu tradisional berubah daripada naungan istana kepada individu. Kedatangan penjajah yang membawa bersama segala ideologi kesusasteraan mereka, yang kemudiannya dibanding-bandingkan dengan kesusasteraan tempatan. Akibatnya kesusasteraan tempatan dipandang rendah bukan sahaja oleh penjajah, tetapi juga oleh masyarakat Melayu sendiri yang terlalu mengagung-agungkan segala yang dikatakan oleh penjajah. Namun, dalam era 1960-an telah berlaku satu perubahan dalam sastera Melayu apabila bangsa Melayu mula sedar betapa pentingnya warisan tradisi mereka. Maka bermulalah satu era pencarian jati diri apabila karya tradisi yang ditinggalkan itu akhirnya diaplikasikan ke dalam karya baru yang sesuai dengan pemodenan.

## **Rujukan**

- Abdullah Munsyi, 1997. *Hikayat Abdullah*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Braginsky V.I., Jun 1996. “*Neo-Traditionality in Oriental Literatures with Special Reference to The Contemporary Literature of Malaysia and Indonesia*”, dalam Kertas Kerja SOAS. University of London.
- Ding Choo Ming, Jun 1996. “Proses Individu dan Alat Cetak dengan Imej Pengarang Melayu Tradisional dan Moden”, dalam *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad, 1976. “Sastera Melayu Moden Semenjak Munsyi Abdullah” dalam *Sekitar Pemikiran Kesusasteraan Malaysia 1957-1972*. (Peny) Anwar Ridhwan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein, 1974. *Study of Traditional Malay Literature with Special Bibliography*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad (peny), 1981. *Kisah Pelayaran Abdullah*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

- Maier H.M.J., 1988. "The Break" dalam *In the Centre of Authority*, Abblesesrien: Konters.
- Noriah Taslim, 1993. *Teori dan Kritikan Sastra Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_ Jun 1998. "Protagonis dalam Era Pasca-Kolonial: Perubahan Ideologi dan Naratif Baru tentang Sastra Melayu Tradisional", dalam *Dewan Sastra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_ Julai 1995. "Proses Individualisasi dan Konsep Kepengarangan Moden" dalam *Dewan Sastra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_ 1995. "Mengesakan Penyimpangan dalam Tradisi Partisipatoris: Sebuah Esei Tentang Kaedah" dalam *Penelitian Sastra Metodologi dan Penerapan Teori*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Said, Edward, 1979. *Orientalism*, New York: Vintage Book.
- Siti Aisyah Murad, 1996. *Abdullah Munsyi dan Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teeuw A., 1992. *Membaca dan Menilai Sastra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.